



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 4 APRIL 2018

1847
1848
1849


Handwritten text, possibly a list or notes, located in the lower middle section of the page.

Handwritten text, possibly a signature or a specific entry, located at the bottom center of the page.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.11 HINGGA NO.67)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO. : 11

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)

SOALAN:

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah segera yang perlu dilakukan bagi mengelak kejadian banjir berulang di kawasan Kampung Tiris, Kampung Keluru dan Saeh. Adakah Kementerian mempunyai peruntukan bagi pembersihan dan mendalamkan sungai-sungai berhampiran kawasan dinyatakan.

3

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara faktor kejadian banjir di Sibuti adalah sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung air larian hujan pada keamatan tinggi. Selain daripada itu, limpahan air sungai juga menyumbang kepada kejadian banjir di kawasan yang berkenaan.

Cadangan penyelesaian segera bagi mengatasi masalah banjir di kawasan ini ialah penyenggaraan berjadual serta pembersihan sungai-sungai yang berdekatan serta memperbaiki sistem perparitan.

Kerja-kerja penyelenggaraan sungai adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) ada menyalurkan peruntukan mengikut kawasan-kawasan yang kritikal berdasarkan kepada permohonan daripada Negeri dan peruntukan yang ada. Antara perancangan bagi memulihara dan menyelenggarakan sungai-sungai untuk jangka masa pendek adalah kerja-kerja pembersihan dan pengorekan sungai berkenaan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa.

Bagi pemulihan koridor sungai di Sibuti peruntukan berjumlah RM 1.70 Juta telah di pohon dalam *Rolling Plan* ke Empat (RP4) RMke 11, iaitu Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Sungai Di Kampung Ranchah-Ranchah, Bekenu, Sibuti, Sarawak

Sekian, terima kasih.

SOALAN (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 4 APRIL 2018
[RABU]
DARIPADA : YB LIEW CHIN TONG
[KLUANG]

SOALAN :-

YB LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai bangunan tinggi di Malaysia yang menggunakan polyethylene/polyfoam atau apa-apa bahan lain yang mudah terbakar sebagai bahan cladding, serta apakah langkah-langkah pencegahan dan keselamatan diambil supaya kebakaran seperti Bangunan KWSP Petaling Jaya dan Grenfell Tower London tidak berlaku lagi di Malaysia.

5

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), **tiada** bangunan tinggi di negara ini yang diluluskan pembinaannya menggunakan *cladding* dari bahan mudah terbakar. **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984** yang menjadi rujukan bagi semua bangunan di negara ini, telah mensyaratkan supaya bahan yang digunakan untuk *cladding* mestilah tidak mudah terbakar. Apa yang dikhuatiri ialah, pemilik bangunan telah membuat **pengubahsuaian** bahagian luar bangunan dengan memasang *cladding* dari **polystyrene foam** tanpa merujuk terlebih dahulu kepada JBPM.

Berkenaan dengan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan yang perlu diambil supaya kebakaran seperti yang berlaku di Grenfell Tower, London tidak berlaku di Malaysia, bangunan yang dibina di negara ini telah melalui proses kelulusan di peringkat pelan lagi dan seterusnya melalui proses pemeriksaan yang rapi bagi memastikan aspek keselamatan dan

pengecegan kebakaran dipatuhi sepenuhnya mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menjalankan pemeriksaan secara berkala ke bangunan-bangunan di seluruh negara dan mana-mana pemilik bangunan yang didapati **gagal** memastikan sistem keselamatan kebakaran dalam keadaan baik akan **diambil tindakan undang-undang** di bawah **Akta Perkhidmatan Bomba 1988**.

Kementerian berharap pemilik-pemilik bangunan yang mengetahui bahawa bangunannya menggunakan *polystyrene foam* supaya mengambil langkah segera untuk menggantikannya dengan bahan-bahan lain yang diluluskan oleh JBPM. Dalam masa yang sama JBPM telah diarahkan untuk menjalankan pemeriksaan ke bangunan-bangunan yang disyaki menggunakan '*cladding*' dari bahan mudah terbakar dan sekiranya didapati berlaku, pemilik bangunan akan dikehendaki menggantikannya dengan bahan yang diluluskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 4.4.2018 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perlindungan undang-undang diberikan kepada guru-guru disiplin sewaktu menjalankan tugas daripada tindakan agresif sesetengah ibu bapa atau pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana penjawat awam yang lain, guru juga tertakluk kepada dasar, peraturan dan pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Dasar dan mekanisme sedia ada yang diguna pakai oleh Kerajaan sehingga kini adalah memadai bagi tujuan melindungi semua penjawat awam termasuk guru dalam melaksanakan tugas rasmi mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan semua sekolah di bawah kawalan KPM supaya menubuhkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah bagi maksud mencari kaedah dan penyelesaian terbaik menangani isu salah laku disiplin dalam kalangan murid di sekolah.

SOALAN (14)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 APRIL 2018
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana rancangan Kerajaan melalui latihan kemahiran yang bertujuan membantu rakyat daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah B40 dan pertengahan M40 meningkatkan taraf hidup memandangkan wujud seramai 2.7 juta rakyat dalam kategori B40 dan 5.3 juta lagi dalam kategori M40 pada masa kini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha merealisasikan hasrat Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan inklusif, negara memerlukan modal insan yang berilmu, berakhlak serta berkemahiran supaya mampu memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Untuk itu, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) terus memainkan peranan dalam merancang pembangunan sosioekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang serta mengagihkan peruntukan kewangan kepada pihak kementerian untuk melaksanakan projek dan program pembangunan yang diperakukan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), tumpuan diberikan untuk meningkatkan peluang penyertaan isi rumah B40 supaya mereka tidak dipinggirkan demi memastikan kekayaan negara dikongsi semua rakyat tanpa mengira etnik dan status sosioekonomi. Oleh itu, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas tahun 2016, pendapatan isi rumah purata Malaysia telah meningkat sebanyak 6.2% pada tahun 2016 berbanding tahun 2014. Pendapatan isi rumah B40 juga telah meningkat sebanyak 6.0% bagi tempoh yang sama.

Antara tindakan utama Kerajaan ialah memantapkan dasar berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), serta memantau pelaksanaan polisi dan strategi-strategi yang dinyatakan dalam RMKe11 ke arah peningkatan kualiti pelajar lepasan TVET untuk memenuhi keperluan industri.

Kebolehpasaran graduan TVET adalah amat menggalakkan yang mana berdasarkan kajian yang dilaksanakan pada tahun 2016 menunjukkan bahawa 91% graduan TVET telah bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi, yang mana 74% daripada jumlah tersebut telah mendapat pekerjaan dalam bidang pengajian mereka. Kadar kebolehpasaran yang tinggi ini disumbang melalui pelaksanaan program berasaskan industri seperti Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan program perantisan

yang telah menambah baik tanggapan industri terhadap kualiti graduan TVET.

Kerajaan juga komited menyediakan peluang-peluang latihan dan kemahiran melalui institusi latihan kemahiran awam di bawah Kementerian tertentu yang menawarkan program tersebut. Sebagai contoh, program oleh GIATMARA bagi memberi latihan kemahiran dalam pelbagai bidang secara sepenuh dan separuh masa.

Kerajaan juga menyediakan program latihan khas kepada kumpulan khusus seperti orang asli, minoriti Sabah dan Sarawak, ibu tunggal, anak yatim, golongan gelandangan, anak-anak yang diabaikan, warga emas, belia tercicir dan berisiko tinggi. Pelaksanaan program ini amat wajar khususnya bagi meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018

SOALAN NO : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]
TARIKH : 4 April 2018
SOALAN : 15**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) berapakah jumlah terkini pusat dialisis yang terdapat di seluruh negara; dan
- b) berapakah jumlah pesakit terkini yang sedang mendapatkan rawatan dialisis di pusat dialisis kerajaan seluruh negara dan berapakah jumlah pesakit yang berada dalam senarai menunggu (waiting list) untuk mendapatkan rawatan dialisis ini dan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam membolehkan senarai menunggu ini mendapat rawatan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

Data *Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2015* menunjukkan bahawa pada tahun 2015 terdapat 159 unit hemodialisis awam, 427 pusat hemodialisis swasta dan 156 pusat hemodialisis NGO. (Data *Registry* bagi tahun 2016 dan 2017 belum dikeluarkan lagi).

Pada tahun 2015, terdapat 37,183 pesakit yang menjalani rawatan dialisis di negara ini. Daripada jumlah ini, 33,456 adalah pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis dan 3,727 pesakit yang menjalani *Chronic Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)*. Jumlah pesakit yang menerima rawatan hemodialisis di hospital awam adalah 6,696 pesakit. Pesakit yang berada dalam senarai menunggu hospital awam adalah kerana ketiadaan slot untuk pesakit baru memandangkan kebanyakan unit berfungsi sepenuhnya. Dalam keadaan ini, pesakit perlu mendapat rawatan di pusat NGO atau pusat swasta.

Walau bagaimanapun, untuk membantu pesakit yang kurang mampu yang menerima rawatan di pusat NGO, dibawah Bajet 2018, Kerajaan telah meningkat bantuan subsidi hemodialisis daripada RM 50 kepada RM 100 setiap rawatan hemodialysis. Dengan peningkatan bantuan ini, pesakit hanya perlu membayar RM 10 setiap rawatan di pusat NGO. Pesakit ini juga menerima bantuan suntikan erythropoietin dan jumlah maksimum yang diluluskan adalah 3 suntikan seminggu berdasarkan tahap hemoglobin pesakit.

SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' FAUZI ABDUL RAHMAN (INDERA MAHKOTA)

TARIKH : 4 APRIL 2018

RUJUKAN : 10638

SOALAN :

PR-1361-L05120

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak merasa bimbang dengan peningkatan rakyat asing di dalam negara yang berjumlah 33% daripada jumlah penduduk Malaysia yang mana akan menyebabkan beberapa masalah seperti penyebaran penyakit, masalah sosial dan keselamatan dalam negara.

15

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah seperti berikut bagi mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini:

- a) proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;**
- b) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;**
- c) Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data**

**biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak
Jabatan;**

- d) penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia dapat menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman biometrik; dan**

- e) PDRM, Kastam Diraja Malaysia dan agensi lain turut menyumbang data-data warga asing yang berisiko dalam senarai syak.**

17

PSOALAN (17)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **4 APRIL 2018**
[RABU]

DARIPADA : **YB DATUK ROZMAN BIN ISLI**
[LABUAN]

SOALAN :-

YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan kaedah pelupusan sisa pepejal kepada tenaga atau 'Waste to Energy' (WtE) sebagai langkah jangka masa panjang yang boleh diproses menjadi sumber dan melestarikan alam sekitar seperti yang dilaksanakan di negara-negara maju berbanding kaedah pelupusan sampah sedia ada.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan kaedah pelupusan sisa pepejal kepada tenaga atau 'Waste to Energy' (WtE) sebagai langkah jangka masa panjang yang mampu memproses sisa pepejal kepada sumber baharu dan melestarikan alam sekitar. Dalam hal ini, Kementerian akan memberi keutamaan untuk membina 3 buah loji WtE menjelang tahun 2030 di tapak-tapak seperti berikut:

- (i) Taman Beringin, Kuala Lumpur;
- (ii) Sungai Udang, Melaka; dan
- (iii) Batu Pahat, Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, WtE adalah merupakan teknologi yang terbukti dan telah diguna pakai secara meluas di negara-negara maju

seperti Jepun, Denmark dan Norway untuk merawat sisa pepejal yang dihasilkan. Kementerian bercadang untuk membina lebih banyak loji WtE di masa hadapan dan bandar-bandar yang berpotensi untuk dibangunkan loji WtE adalah seperti berikut:

- (i) Ampang Jajar, Pulau Pinang;
- (ii) Senai, Johor;
- (iii) Kajang, Selangor;
- (iv) Kota Kinabalu, Sabah;
- (v) Gurun, Kedah;
- (vi) Ipoh, Perak; dan
- (vii) Kuantan, Pahang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]
TARIKH : 4 April 2018
SOALAN : 18

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha terkini yang diambil Kementerian untuk menaik taraf Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam akibat pertambahan jumlah pesakit yang semakin ramai dan status terkini projek pembinaan hospital-hospital yang belum siap di seluruh Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Status penggunaan Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam sememangnya sangatlah optimum. Susulan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang telah dan sedang melaksanakan perluasan dan naik taraf bagi kesemua hospital tersebut.

Hospital Seberang Jaya mempunyai 314 buah katil dengan kadar penggunaan katil (BOR) sebanyak 105%. Menyedari akan kesesakan tersebut, Kementerian Kesihatan telah merancang dan telahpun diluluskan projek pembinaan *Multistorey Block* (dengan izin) yang akan memberikan tambahan katil sebanyak 316 buah lagi menjadikan jumlah keseluruhan katil sebanyak 630 buah katil. Selain itu, lain-lain kemudahan yang berkaitan seperti 6 buah Dewan Bedah, Klinik Pakar, Unit Rawatan Rapi, Unit Rehabilitasi serta lain-lain. Projek ini sedang di peringkat pembinaan dan status sehingga Januari 2018 adalah 15.75%. Projek ini dijadualkan siap pada 15 November 2019.

Selain projek *Multistorey Block* (dengan izin) tersebut, pihak KKM juga sedang melaksanakan Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya secara Reka dan Bina iaitu pembinaan Blok Bangunan Jabatan Kecemasan dan Dewan Bersalin. Status projek tersebut sehingga Januari 2018 adalah 47% dan dijadualkan siap pada 16 Jun 2018.

Bagi **Hospital Bukit Mertajam** pula yang merupakan sebuah hospital berpakar berkapasiti 242 katil menyediakan kepakaran dalam pelbagai disiplin termasuk Perubatan, Kecemasan, Otorinolaringologi, Paediatrik, Obstetrik & Ginekologi, Oftalmologi, Anestesiologi serta Psikiatri. Kadar Penggunaan Katil (BOR) di Hospital Bukit Mertajam adalah sebanyak 69.76% pada tahun 2017.

Pihak KKM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM7 juta di bawah peruntukan RMK 11 bagi menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Dewan

Bedah, naiktaraf bekalan Elektrik Utama dan dewan bedah, naik taraf *Medical Gas* (dengan izin) dan naiktaraf sistem bekalan Air.

Selain dari itu, beberapa perancangan pembangunan untuk perluasan di Hospital Bukit Mertajam sedang dipertimbangkan antaranya:

- 1) Menempatkan Jabatan Pesakit Luar ke tapak Bangunan Asrama Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam yang telah dikosongkan yang berkeluasan lebih 0.8 ekar.
- 2) Bangunan Pejabat Pentadbiran Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam akan dijadikan Klinik Mata.

Kementerian Kesihatan akan terus mengkaji perancangan jangka panjang berkenaan keperluan bagi menaik taraf Hospital Bukit Mertajam ini.

Semua projek-projek diatas adalah merupakan usaha kerajaan untuk memastikan rakyat Pulau Pinang mendapat kemudahan rawatan yang terbaik mengikut keperluan masing-masing.

SOALAN NO: 19

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)

SOALAN :

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah dan tindakan Kementerian untuk menyedarkan rakyat jelata tentang kepentingan dan manfaat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada diri mereka sendiri, masyarakat dan negara serta menyatakan kejayaan atau kegagalan usaha dan tindakan-tindakan berkenaan setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya khususnya Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan yang penting dalam usaha ke arah meningkatkan kesedaran alam sekitar melalui penganjuran program-program alam sekitar di kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kumpulan sasaran seperti:

- (a) Pemimpin masyarakat;
- (b) Kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah;
- (c) Industri dan swasta;
- (d) Pelajar institut pengajian tinggi; dan
- (e) Orang awam.

Antara program-program kesedaran alam sekitar utama yang dijalankan adalah:

- (a) Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar;
- (b) Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar;
- (c) Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institut Pengajian Tinggi (IPT);
- (d) Pameran Alam Sekitar;
- (e) Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) dan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) setiap tahun;
- (f) Program Rakan Alam Sekitar (RAS);

- (g) Penerbitan Majalah Impak; dan
- (h) Penerbitan Laporan Kualiti Alam Sekeliling dan Laporan Tahunan.

Kementerian akan terus menjalankan program-program kesedaran alam sekitar dan memantapkan lagi usaha berikut dengan menyediakan pelbagai program baru kepada semua lapisan masyarakat supaya semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam memulihara alam sekitar. Pelbagai medium, kaedah dan pendekatan digunakan bagi mencapai golongan sasaran yang berbeza.

Secara umumnya, usaha-usaha Kementerian menunjukkan kesan positif dengan peningkatan tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap pengurusan alam sekitar Negara menerusi indikator berikut:

- (a) Peningkatan sambutan dan penglibatan serta *engagement* masyarakat dalam program kesedaran alam sekitar (CEPA); dan
- (b) Pemantapan Aktiviti Pemantauan dan Penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No:20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN

TARIKH : 4.4.2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa berlakunya pemotongan bekalan tenaga elektrik oleh TNB di Sekolah Kebangsaan Methodist, Seksyen 5, Petaling Jaya pada 20 Februari 2018 sehingga murid terpaksa belajar di kelas dalam keadaan gelap dan panas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyalurkan peruntukan untuk membiayai bil utiliti (elektik dan air) kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) berdasarkan kepada bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000 sebulan bagi setiap SBK mulai 1 Januari 2011. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan Kerajaan, bermula tahun 2015 nilai pembiayaan telah dinaikkan berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM5,000 sebulan.

Menyentuh tentang pemotongan bekalan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Sekolah Kebangsaan Methodist, Seksyen 5, Petaling Jaya pada 20 Februari 2018, KPM telah mengambil tindakan segera dan pihak TNB telah bersetuju untuk menyambung semula bekalan elektrik di sekolah tersebut.

27

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 4 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan jenis dakwat kekal yang akan diguna pakai oleh SPR untuk Pilihan Raya Umum ke-14 dan butiran kos untuk membeli dakwat kekal tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan kelancaran PRU ke-14, salah satu kelengkapan peralatan semasa pilihan raya adalah dakwat pilihan raya yang akan digunakan semasa hari pengundian. Bagi tujuan tersebut, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memohon perolehan dakwat di mana jenis dakwat yang digunakan adalah sebagaimana yang diguna pakai oleh negara-negara lain yang menggunakan dakwat celup semasa pilihan raya. Jenis dakwat yang dikenali sebagai dakwat pilihan raya pernah digunakan semasa Pilihan Raya Umum (PRU) DUN Sarawak dan Pilihan Raya Kecil (PRK). Jenis dakwat tersebut telah mendapat kelulusan pihak JAKIM dan KKM yang selamat diguna pakai.

Kos sebenar dakwat pilihan raya masih belum dimuktamadkan lagi kerana pihak pembekal masih dalam penilaian dan bilangan penggunaan dakwat adalah mengikut senarai daftar pemilih yang terkini.

Sekian, terima kasih.